

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 OKTOBER 2022

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

Kerjasama Yayasan Peneraju, *airasia academy*

Kerjasama Yayasan Peneraju, *airasia academy*

Kuala Lumpur: Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) menjalin kerjasama dengan platform teknologi pendidikan serantau yang pantas membangun, *airasia academy* untuk membantu meningkatkan peluang kebolehpasaran bagi golongan minoriti berstigma dengan membina pengetahuan kemahiran yang relevan dengan keperluan ekonomi

yang dipacu teknologi.

Sebagai permulaan, 200 peserta terpilih dari komuniti B40, graduan baharu dan penganggur yang kehilangan pekerjaan atas pelbagai faktor, akan menyertai program latihan tajaan penuh dan penempatan pekerjaan yang ditaja oleh Yayasan Peneraju dengan kursus pantas atau *bootcamp* kelolaan *airasia academy* dalam bidang Pemasaran Digital,

Kejuruteraan Perisian, Analisis Data dan Infrastruktur Cloud.

Presiden (Usahaniaga) Capital A & Ketua Pegawai Eksekutif *airasia academy*, Aireen Omar berkata, pihaknya menerima sambutan memberangsangkan daripada orang ramai yang berminat untuk menceburi kerjaya dalam teknologi.

"Bagaimanapun, untuk program ini kami menun-

pukan terhadap golongan yang benar-benar memerlukan. Ini yang kami perjuangkan di *airasia academy* dan ia mengukuhkan lagi usaha kami supaya pendidikan dalam bidang teknologi lebih inklusif, mudah diakses dan relevan dalam memastikan negara bersedia untuk Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0)," katanya dalam satu kenyataan.



AIREEN (duduk, tengah) bersama pengurusan kanan Yayasan Peneraju.